

# Pelajar Kolej Vokasional Tawau lawat UMSKAL

UB 19.11.87

LABUAN: Seramai 25 pelajar Kolej Vokasional Tawau (KVT) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Rombongan yang diketuai Pensyarah ICT Hairuddin Yaakup itu bertujuan mendedahkan pelajar kepada program pembelajaran Sistem Komputer dan Rangkaian.

Katanya, lawatan itu juga mahu mendedahkan pelajar Diploma Tahun Satu itu kepada pembelajaran dan kehidupan di universiti khususnya di UMSKAL.

Selain itu, untuk meningkatkan motivasi pelajar sebelum melanjutkan pengajian tinggi ke IPTA di

negara ini.

"Mereka sangat teruja melawat UMSKAL dan Wilayah Persekutuan Labuan amnya kerana ramai yang pertama kali mengunjungi pulau bebas cukai itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima cenderamata daripada Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Komputer UMSKAL Mohd Nazri Suin.

Turut hadir, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Komputer UMSKAL Mariana Munggi, Penolong Pegawai Tadbir Mohizam Mohamad dan Pegawai Khidmat Pelanggan Nor Atiqah Mustaffa.

Penolong Pendaftar Dg Norsiah Ag Seman mewakili

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyambut ketibaan rombongan KVT yang disertai 15 pelajar lelaki dan 10 perempuan.

Selain taklimat, mereka melawat makmal Fakulti Komputeran Informatik (FKI) dan lokasi cerapananak bulan di Aras 13, Bangunan Menara UMSKAL.

Selain UMSKAL, pelajar terbabit yang bakal menjalani latihan industri turut melawat Kolej Vokasional Labuan dan Kolej Matrikulasi Labuan.

Hairuddin berkata, lawatan itu sangat bermakna kerana mereka berpeluang melihat sendiri pembangunan pesat Labuan yang diisyiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984.



MOHD Nazri (kiri) dan Hairuddin bertukar-tukar cenderamata sambil diperhatikan pelajar Kolej Vokasional Tawau yang melawat UMS Labuan, kelmarin.